



NOTIS KEPADA JURURUNDING EIA 2/2025

PENGGUNAAN PEMACU KILAT USB (*USB FLASH DRIVE*) BAGI PENGEMUKAAN SALINAN LEMBUT (*SOFTCOPY*) DOKUMEN TOR/LAPORAN EIA DAN PENGEMUKAAN NASKHAH AKHIR LAPORAN EIA YANG DILULUSKAN BERJILID KEMAS (*HARDBOUND*)

Tuan/Puan,

1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) ingin memaklumkan bahawa JAS telah melaksanakan penambahbaikan ke atas prosedur penilaian Laporan EIA bagi meningkatkan mutu penyampaian dan perkhidmatan kepada pemegang taruh berdasarkan keperluan semasa Jabatan seiring dengan kemajuan teknologi masa kini.
2. Bagi tujuan melaksanakan penambahbaikan tersebut, Jururunding EIA adalah diminta untuk mengambil tindakan berikut iaitu:
 - i. Mengemukakan salinan lembut (*softcopy*) Dokumen TOR dan Laporan EIA dengan menggunakan pemacu kilat USB (*USB flash drive*) bagi menggantikan penggunaan CD. Keperluan ini akan dilaksanakan sepenuhnya bermula pada 1 Julai 2025. Pengemukaan menggunakan CD dan pemacu kilat USB akan diterima oleh JAS dalam tempoh peralihan bermula 3 Februari 2025 sehingga 30 Jun 2025;
 - ii. Mengemukakan naskhah akhir Laporan EIA yang diluluskan dalam bentuk berjilid kemas (*hardbound*) beserta borang Perakuan Pengemukaan Naskhah Berjilid Kemas yang perlu dilampirkan bersama di muka surat paling hadapan Laporan EIA (Contoh borang perakuan dan salinan *hardbound* adalah seperti

di **Appendiks 1**). Bilangan Laporan yang perlu dikemukakan adalah seperti dinyatakan di dalam **Jadual 1**. Kesemua salinan ini hendaklah dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Laporan EIA diluluskan kepada pejabat JAS yang memproses Laporan EIA tersebut untuk diambil tindakan pengesahan terlebih dahulu sebelum diedarkan untuk simpanan.

Laporan EIA Jadual Pertama	Laporan EIA Jadual Kedua
3 salinan <i>hardbound</i> 1) Simpanan fail JAS; 2) Simpanan Penggerak Projek; dan 3) Simpanan Perpustakaan JAS Negeri	4 salinan <i>hardbound</i> 1) Simpanan fail JAS; 2) Simpanan Penggerak Projek; 3) Simpanan Perpustakaan JAS Negeri; dan 4) Simpanan Perpustakaan JAS Ibu Pejabat

Jadual 1 : Bilangan naskhah Laporan EIA yang diluluskan dalam bentuk *hardbound* yang perlu disediakan

3. Semua jururunding EIA adalah dipohon mengambil maklum tentang keperluan ini. Arahan ini berkuatkuasa pada **3 Februari 2025**.

Sekian, terima kasih.

**JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
FEBRUARI 2025**

Maklumat lanjut, hubungi:

Urusetia
 Skim Pendaftaran Jururunding EIA
 Jabatan Alam Sekitar
 Aras 3, Podium 3, Wisma Sumber Asli
 No 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 W.P. PUTRAJAYA
 Emel: skeia@doe.gov.my

APPENDIKS 1

[TAJUK LAPORAN EIA]

UNTUK

[PENGGERAK PROJEK]

PERAKUAN PENGEMUKAAN NASKHAH BERJILID KEMAS BAGI LAPORAN EIA YANG DILULUSKAN

Saya dengan ini memperakui bahawa keseluruhan kandungan Laporan EIA **adalah sama** sebagaimana kandungan Laporan EIA yang dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat/ Negeri _____ melalui surat (Ruj. _____) bertarikh _____ dan telah diluluskan pada_____ melalui surat bernombor rujukan _____.

Ketua Jururunding EIA:

(i)

Penggerak Projek:

(i)

Nama:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Jawatan:

Cop Syarikat:

Cop Syarikat:

Tarikh:

Tarikh:

Nota:

(i) Hanya tandatangan dakwat basah dibenarkan bagi perakuan ini.

(ii) Perakuan ini hendaklah diletakkan sebagai helaian pertama naskhah Laporan EIA berjilid kemas (hardbound) yang dikemukakan.

CONTOH NASKHAH AKHIR HARDBOUND LAPORAN EIA

